

**PENILAIAN PELAKSANAAN BIDANG USULUDDIN DALAM KURIKULUM BERSEPADU
DINI (KBD) SEKOLAH MENENGAH AGAMA BANTUAN KERAJAAN (SABK)**

Mohamad Fuad Ishak, Sapie Sabila, Suhana Mohamed Lip & Zetty Nurzuliana Rashed
fuadishak@kuis.edu.my, sapie@kuis.edu.my, suhana@kuis.edu.my, zetty@kuis.edu.my
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, KUIS

ABSTRAK

Bidang pengajian Usuluddin merupakan teras dalam pendidikan Islam. Pengajian ini diajar diperingkat pendidikan rendah, menengah dan tinggi di Malaysia. Di peringkat menengah pengajian ini diterapkan dalam kurikulum azhari yang diajar di sekolah Jabatan Agama Islam Negeri (SAN) dan Sekolah agama Rakyat (SAR). Namun kurikulum pengajian ini di selaraskan dibawah Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) pada tahun 2015. Ia merupakan kurikulum baru yang dibina dan sedang dilaksanakan bagi memenuhi hasrat kerajaan untuk melahirkan insan yang seimbang jasmani, rohani, intelek dan sosial. Sehingga kini masih belum terdapat kajian khusus berkaitan bidang usuluddin dalam kurikulum baru ini. Sehubungan itu, Kertas kerja ini menganalisis kajian-kajian terdahulu berkaitan keperluan penilaian terhadap kurikulum untuk mengenal pasti permasalahan yang berlaku dalam pelaksanaan kurikulum ini. Metodologi kajian berteraskan kaedah “*Systematic Literature Review*” (SLR) dan analisis keperluan kandungan diguna pakai bagi mendapatkan dapatan kajian. Melalui tema “Pengajian Usuluddin”, “Kurikulum Dini” dan “Penilaian Kurikulum Pendidikan Islam” & “Sekolah Agama Bantuan Kerajaan” menunjukkan terdapat 6 asas penilaian terhadap mata pelajaran usuluddin KBD iaitu keperluan penilaian objektif kurikulum, Penguasaan guru dalam kemahiran terkini dalam Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK), Penguasaan bahasa arab di kalangan murid, kemudahan prasarana yang disediakan, pendekatan pengajaran guru dan pencapaian pelajar dalam keberhasilan murid.

Kata kunci; Pendidikan Islam, Kurikulum Dini & Sekolah Agama Bantuan Kerajaan.

1.0 PENGENALAN

Para ilmuan Islam telah sepakat mendefinisikan usuluddin sebagai prinsip-prinsip akidah atau kepercayaan yang tetap dengan dalil (bukti) yang diyakini melalui al-Quran dan al-Sunnah (Mustafa, 1996). Pandangan ini telah dinyatakan oleh Imam Abu Mansur Abd al-Qahir al-Baghdady (1027) dalam karyanya Usul al-Din bahawa ilmu ini membincangkan penjelasan ilmu khusus dan umum, mengenal Allah melalui sifat-sifatnya, mengenal para rasul dan nabi melalui sejarah dan mu'jizat mereka, mengenal asal atau rukun Iman dan mengetahui rukun syariat Islam. Oleh itu, terdapat beberapa istilah yang digunakan oleh ilmuwan Islam dalam membincangkan ilmu ini seperti iman, akidah Islam, ilmu tauhid dan Fiqh al-Akbar (Mustafa 1996).

Berdasarkan pentakrifan usuluddin oleh ilmuwan Islam, maka pembelajaran bidang usuluddin adalah meliputi ilmu mengenal Allah SWT, Ilmu mengenal para rasulnya serta perkara sam'iyat, dalil-dalil yang khusus dan umum dari al-Quran dan al-Hadis sebagai huraian bagi mengenal Allah dan RasulNya. Di samping contoh dan teladan yang ditunjukkan oleh para rasul melalui akhlak dan sifatnya yang terpuji.

Imam al-Syatiby (t.t) menjelaskan pembelajaran ilmu ini sangat penting sebagai asas dalam semua tindakan seseorang di mana Rasulullah SAW telah mengambil masa yang panjang untuk menjelaskan konsep aqidah dan menerapkan ke dalam kefahaman dan jiwa umat Islam. Selama tiga belas tahun di Mekah, Rasulullah SAW telah memberi penekanan kepada tiga perkara penting iaitu beriman kepada Allah, beriman dan menerima baginda sebagai rasul dan beriman kepada hari akhirat.

Dalam sistem pendidikan di Malaysia pula, bidang usuluddin merupakan teras dalam pendidikan Islam. Kurikulum meliputi mata pelajaran akidah Islamiah, sejarah Islam, Akhlak & tasawuf, Tafsir al-Quran dan Hadith Nabi SAW. Kekuatan bidang ini menjadikan umat Islam yang kuat, sebaliknya, kelemahan bidang ini menghilangkan kehebatan umat Islam dari sudut ibadah, akhlak, adab, dan sopan (Ismail & Jasmi, 2016). Kajian Aizan dan Murni (2017) menunjukkan pembelajaran yang berkaitan Usuluddin mempengaruhi pembentukan identiti diri remaja muslim di sekolah. Manakala Kajian Muhammad Norhisham (2015) mendapati biah atau suasana sekeliling yang sentiasa dihidupkan dengan budaya usuluddin khususnya pengaruh

sejarah Islam akan membentuk identiti diri remaja sekolah yang mampan dan memberi kesan yang positif terhadap pembentukan identiti diri remaja muslim.

Kurikulum merupakan salah satu komponen penting dalam pendidikan. Aspek kurikulum dalam pendidikan Islam khususnya bersifat fungsional yang bertujuan untuk mengeluarkan dan membentuk manusia muslim yang mengenal agama Islam dan Tuhannya, berakhlak dengan akhlak al-Quran dan bertindak sesuai dengan dengan dasar-dasar dan prinsip-prinsip al-Quran (Hasan Langgulung, 1997). Lazimnya ia meliputi aspek-aspek asas dalam Islam seperti akidah, syariah dan akhlak (Ghazali, 2001) yang bermatlamat membangunkan peribadi insan yang seimbang serta membentuk akhlak yang terpuji (Ahmad Munawar et al., 2012). Namun cabaran kehidupan hari ini memerlukan penambahbaikan terhadap kurikulum yang telah dibentuk. Menurut Muhammad Pisol (2005) Pendidikan Islam di institusi pendidikan menjadi semakin mencabar, kerana cabaran memenuhi karakter pembangunan manusia berubah dari masa ke masa. Justeru modifikasi kepada kurikulum perlu dilaksanakan, bahkan pada satu keadaan kurikulum pendidikan perlu memenuhi aspirasi Falasafah Pendidikan Kebangsaan. Sehubungan itu, satu kurikulum Dini telah dibentuk yang bertujuan menggantikan kurikulum sedia ada yang menggunakan kurikulum Azhari. Kurikulum yang dilaksanakan pada tahun 2015 ini dijadikan sebagai kurikulum standard bagi pelajar-pelajar peringkat menengah khususnya di sekolah-sekolah agama bantuan kerajaan (SABK). Kurikulum ini masih belum dikaji sepenuhnya, sehubungan itu kajian keperluan terhadap penilaian kurikulum ini diperlukan bagi mengenal pasti tahap keberkesanan dalam pelaksanaannya.

2.0 PENYATAAN MASALAH

Terdapat banyak kajian yang berkaitan kurikulum Pendidikan Islam antaranya kajian berkaitan dengan penguasaan bahasa arab di kalangan pelajar (Anuar Sopian, Salmah Ahmad & Kaseh Abu Bakar, 2013; Mohamad Syukri Abdul Rahman, Muhammad Haron Husaini, Ismail Omar, Nor Effendy Ahmad Sokri & Mohamed Fairouz Mohd Fatillah, 2016; Kamarulzaman Abdul Ghani, Ahmad Sabri Noh, Nik Mohd Rahimi Nik Yusuff, 2017) dan pengajaran & pembelajaran Bahasa Arab (Maimun Aqsha Lubis, Zaffi Alias & Hanis Najwa Shahrudin, 2014), disamping kajian berkaitan pengajaran & pembelajaran pendidikan Islam (Hasan Langgulung, 1997; Mohd Mansor Daud & Kamarudin Kamal, 2004; Wan Ahmad Jaafar Wan Yahaya Rosli Abd Rahman, 2008; Siti Fatimah Ahmad & Ab Halim Tamuri, 2010; Alias Mat Saad, Nik Mohd. Rahimi Nik Yusuff & Ruhizan Mohammad Yassin, 2011) latihan guru Pendidikan Islam (Ab. Halim Tamuri,

Muhamad Faiz Ismail, 2012; Badrul Hisham Alang Osman & Mohd Nasruddin Basar, 2016), penilaian kurikulum (Alias Mat Saad, Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff & Ruhizan Mohammad Yassin, 2011; Noor Hisham Md Nawi, 2011; Azizi Jaafar, 2015) dan pengurusan kurikulum pendidikan Islam (Mohd Khairi & Mohd Nazer, 2017).

Manakala kajian isu-isu usuluddin pula difokuskan kepada konteks ilmu dalam usuluddin (Al-Syatibi(t.t.); Ismail & Jasmi, 2016) pengajaran akidah (Ahmad Yunus & Ab Halim, 2010) dan isu-isu berkaitan usuluddin (Aizan Ali @ Mat Zin & Murni Buchik, 2017). Hal yang demikian menunjukkan tiada kajian secara khusus yang difokuskan kepada bidang usuluddin kurikulum dini atau azhari yang melibatkan subjek akidah, tafsir, sirah, tasawaauf & akhlak. Sehubungan dengan itu, adalah penting untuk mengenal pasti kajian-kajian yang telah dilaksanakan dalam bidang usuluddin Kurikulum Bersepadu Dini (KBD). Di samping itu, kajian ini dapat mengenal pasti topik utama dalam penilaian kurikulum tersebut.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Penyelidikan ini bertujuan memperoleh perkara berikut;

- i. Mengetahui bentuk-bentuk kajian berkaitan dengan bidang usuluddin Kurikulum Dini
- ii. Mengetahui topik utama berkaitan dengan keperluan penilaian pelaksanaan bidang usuluddin kurikulum Bersepadu Dini.

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan literatur sistematik (*systematic literature review*) dan analisis kandungan (*content analysis*). Terdapat tiga tema yang digunakan dalam pencarian data berkaitan tajuk iaitu “ Kurikulum Bersepadu Dini” dan “Penilaian Kurikulum Pendidikan Islam” dan “Pengajian Usuluddin” menunjukkan terdapat 6 asas penilaian terhadap mata pelajaran usuluddin KBD iaitu keperluan penilaian objektif kurikulum, Penguasaan guru dalam kemahiran terkini dalam Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK), Penguasaan bahasa arab di kalangan murid, kemudahan prasarana yang disediakan, pendekatan pengajaran guru dan pencapaian pelajar.

a. Strategi Pencarian

Pencarian dilaksanakan dengan menggunakan terma pencarian yang khusus tema “ Pengajian Usuluddin”, “Kurikulum Dini”, “Penilaian Kurikulum Pendidikan Islam” dan “Sekolah Agama Bantuan Kerajaan”. Terma yang dilakukan tidak menghadkan tahun penerbitan. Pangkalan data yang digunakan ialah web pangkalan data universiti seluruh Malaysia, *Google Scholar* dan *MyJurnal*. Tajuk dan abstrak diteliti untuk mengenal pasti hanya data berkaitan pembelajaran usuluddin kurikulum dini sahaja digunakan. Bagi membantu mendapatkan maklumat penuh pengkaji menggunakan pangkalan data *Google Search Engine* dengan memasukkan perkataan yang berkaitan dengan kajian.

5.0 DAPATAN KAJIAN

Bilangan artikel yang bukan berasaskan dan berkaitan dengan kajian adalah lebih banyak berbanding dengan bilangan artikel berasaskan kajian. Hanya 20 artikel yang membincangkan kajian berkaitan Pembelajaran Usuluddin kurikulum Bersepadu Dini.

Jadual 1 menunjukkan datapan daripada beberapa penulisan dan penyelidikan berkaitan kajian yang dilaksanakan. Pengkaji membahagikan kepada 5 bahagian iaitu tajuk atau judul, topik perbincangan yang berkaitan dengan kajian, pengarang atau penulis, bahan yang ditulis samada berbentuk buku, jurnal, prosiding atau tesis. Seteruskan pembahagian yang terakhir adalah memfokuskan bentuk atau kaedah penyelidikan yang digunakan.

Tiada kajian khusus berkaitan penilaian Pelaksanaan bidang usuluddin dalam Kurikulum Bersepadu Dini (KBD). Namun pengkaji mendapati terdapat artikel atau penulisan yang mempunyai kaitan dengan tajuk kajian. Terdapat 6 artikel berkaitan pembelajaran usuluddin, 10 artikel berkaitan penilaian kurikulum pendidikan Islam, 4 artikel berkaitan kurikulum dini atau azhari dan 3 artikel berkaitan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan. Manakala bentuk atau kaedah penyelidikan yang digunakan, 6 artikel menggunakan pendekatan kajian literatur, 11 kajian kuantitatif dengan instrumen soal selidik dan hanya 3 menggunakan pendekatan kualitatif dalam kajian mereka. Tempoh penulisan pula menunjukkan artikel-artikel kajian yang diperoleh bermula dari tahun 1996 hingga 2017.

Jadual 1: Analisis Kandungan Berdasarkan Isu Berkaitan Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Bidang Usuluddin Sekolah Agama Bantuan Kerajaan

Bil	Tajuk	Topik	Pengarang/Tahun	Jurnal/Buku/Prosiding/Tesis	Rekabentuk/ Analisis Data
1	Akidah dan Akhlak dalam Pendidikan Islam.	Pembelajaran Usuluddin	Ismail A. M. & Jasmi, K. A. (2016)	Buku	Kualitatif/ Kajian literatur
2	Isu Dan Cabaran Pendidikan Remaja Muslim Di Malaysia.	Pembelajaran Usuluddin	Aizan binti Ali @ Mat Zin & Murni binti Buchik. (2017)	Jurnal al-Tamadun Universiti Malaya, Bil 12 (2), 2017, 41-49	Kualitatif
3	al-Muwafaqat fi Usul al-Syariah,	Pembelajaran Usuluddin	Al-Syatibi(t.t.), tahqiq Dr. Abdullah Daraz. Al-Qahirah : al-Maktabah al-Tijariah	Buku	Kajian literatur
4	Biah Solehah pelajar Sekolah Menengah Agama.	Penilaian kurikulum Pendidikan Islam	Muhammad Norhisham (2015).	Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Pendidikan Sultan Idris	Kuantitatif/ Soal selidik
5	al-Aqidat al-Islamiyyat Arkanuha Haqaiquha Mufsidatuha.	Pembelajaran Usuluddin	Mustafa Said Khin (1996) Beirut : Dar Ibn Kathir	Buku	Kajian literatur
6	Asas-Asas Pendidikan Islam.	Penilaian kurikulum Pendidikan Islam	Hasan Langgulung (1997) Kuala Lumpur : Dewan Bahasa & Pustaka	Buku	Kajian literatur
7	Kajian Kerelevenan Falsafah Pendidikan Kebangsaan Dengan Kurikulum Pendidikan Islam Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia,	Penilaian kurikulum Pendidikan Islam	Alias Mat Saad, Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff & Ruhizan Mohammad Yassin (2011)	AJTLHE. ISSN: 1985-5826 Vol. 3, No.2, July 2011, 60-70.	Kuantitatif/ Soal selidik
8	Islam Dalam Pendidikan Dan Hubungannya Dengan Pembentukan Jati Diri Bangsa Melayu Di Malaysia	Penilaian kurikulum Pendidikan Islam	Ahmad Munawar Ismail, Zakaria Stapa, Mohd Yusof Othman, Mashitoh Yaacob	Jurnal Hadhari Special Edition (2012) 37 – 50	Kuantitatif / Soal selidik

9	Komponen Asas Untuk Latihan Guru Pendidikan Islam.	Penilaian kurikulum Pendidikan Islam	Ab. Halim Tamuri, Muhamad Faiz Ismail, K. A. J. (2012).	<i>Global Journal Al-Thaqafah</i> , 2, 53–63.	Kajian literatur
10	Penguasaan dan Permasalahan Pelajar Terhadap Pengajian Ilmu Balaghah: Satu Tinjauan Awal (Mastery and Problem of Students Against the Balaghah Studies: A Preliminary Survey).	Kurikulum Dini	Anuar Sopian, Salmah Ahmad & Kaseh Abu Bakar (2013).	ISLAMIYYAT 35(1) 2013: 93 – 101	Kuantitatif/ Soal selidik
11	Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab dalam Kurikulum Bu'uth Al-Azhar di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK).	Kurikulum Dini/ Sekolah Agama Bantuan Kerajaan	Maimun Aqsha Lubis, Zaffi Alias & Hanis Najwa Shahrudin. (2014).	Jurnal Pendidikan Malaysia 39(1)(2014): 51-61	Kuantitatif/ Soal selidik
12	Amalan Pengajaran Dan Pembelajaran Abad Ke- 21 Dalam Kalangan Pensyarah Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh.	Penilaian kurikulum Pendidikan Islam	Badrul Hisham Bin Alang Osman & Mohd Nasruddin Bin Basar. (2016)	Jurnal Penyelidikan Dedikasi Jilid 10, 2016: hal : 1-25	Kuantitatif/ Soal selidik
13	Permasalahan Pengajaran & Pembelajaran Kurikulum al-Azhar dan Cara Mengatasinya.	Penilaian Kurikulum Pendidikan Islam	Mohd Mansor Daud & Kamarudin Kamal (2004).	Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri 3. UKM.	Kajian Literatur
14	Pembudayaan Penggunaan Teknologi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam.	Penilaian Kurikulum Pendidikan Islam	Wan Ahmad Jaafar Wan Yahaya Rosli Abd Rahman (2008)	Diages Pendidik. Jilid 8, Bil. 2/2008 Universiti Sains Malaysia. Hal : 55-63	Kuantitatif/ Soal selidik

15	Tinjauan Pelaksanaan Pengurusan Pendidikan Islam di sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina di Daerah Kota Setar.	Penilaian Kurikulum Pendidikan Islam	Mohd Khairi & Mohd Nazer (2017).	The Online Journal Islamic Education Julai 2017 Vol 5, Issue 1.	Kuantitatif/ Soal selidik
16	Iklim Sekolah & Komitmen Guru Di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan Negeri Kelantan.	Kurikulum Dini/ Sekolah Agama Bantuan Kerajaan	Mohamad Adnan (2016).	Proceeding of International Seminar On Generating Knowledge Through Research, UUM (ICECRS) 1 (2016) 699-708	Kuantitatif/ Soal selidik
17	Pengajaran Perbendaharaan Kata Bahasa Arab di Sekolah-Sekolah Agama bantuan Kerajaan Negeri Selangor	Kurikulum Dini/ Sekolah Agama Bantuan Kerajaan	Mohamad Syukri B. Abdul Rahman, Muhammad Haron b. Husaini, Ismail B. Omar, Nor Effendy B. Ahmad Sokri & Mohamed Fairouz b. Mohd Fatillah (2016)	Jurnal Pengajian Islam Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Bil 9, Isu 1 : 2016 hal 26-44	Kuantitatif, Soal selidik
18	Konsepsualisasi Semula Kurikulum Pendidikan Islam	Penilaian Kurikulum Pendidikan Islam	Noor Hisham Md Nawi (2011)	Buku	Kajian Literatur
19	Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam Sekolah Menengah Berasaskan Model Context-Input-Process-Product (CIPP).	Penilaian Kurikulum Pendidikan Islam	Azizi Jaafar (2015)	Tesis Doktor Falsafah. Universiti Utara Malaysia.	Kualitatif
20	Pengetahuan Pedagogikal kandungan (PPK) Pengajaran Akidah : Kajian Kes Guru Cemerlang Pendidikan Islam.	Pembelajaran Usuluddin	Ahmad Yunus & Ab Halim. (2010).	Jurnal of Islamic & Arabic Education 2(2) 2010 Hal 13-30	Kualitatif & kuantitatif/ Temubual & soal selidik

6.0 PERBINCANGAN

Hasil dari beberapa kajian dan penulisan menunjukkan isu kurikulum bersepadu dini berkaitan pembelajaran usuluddin masih kurang dibincangkan secara mendalam. Namun terdapat beberapa kajian yang berkaitan membincang pembelajaran di sekolah agama bantuan kerajaan. Terdapat enam perkara utama yang difokuskan dalam pembelajaran usuluddin kurikulum dini di sekolah agama bantuan kerajaan. Antaranya keperluan penilaian objektif kurikulum, penguasaan guru dalam kemahiran terkini dalam teknologi maklumat dan komunikasi (TMK), penguasaan bahasa arab di kalangan pelajar, pendekatan pengajaran guru dan pencapaian pelajar dalam keberhasilan murid.

a. Keperluan Penilaian Objektif Kurikulum.

Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) telah diperkenalkan oleh pihak Kementerian Pendidikan pada tahun 2015. Kurikulum ini menggantikan kurikulum Azhari yang telah lama dilaksanakan di sekolah-sekolah Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) atau Sekolah Agama rakyat (SAR). Ia merupakan kurikulum baru yang dibina dan sedang dilaksanakan bagi memenuhi hasrat kerajaan untuk melahirkan insan yang seimbang jasmani, rohani, intelek dan sosial. Penilaian terhadap kurikulum ini boleh dilaksanakan sepanjang pembangunan dan ketika pelaksanaan kurikulum sedang berlaku. (Alias, 2013).

Penilaian kurikulum bertujuan mengenal pasti keberkesanan dan kualiti objektif sesuatu kurikulum yang dibina dan dilaksanakan. Al-Nisywan (1992) dalam Noor Hisham (2011) menjelaskan bahawa penilaian kurikulum boleh dilaksanakan pada objektif, kandungan, pengalaman pembelajaran, penyusunan kurikulum dan bentuk penilaian. Oleh yang demikian, keperluan kajian terhadap bidang usuluddin Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) diperlukan untuk mengenalpasti keberkesanan kurikulum ini. Disamping kajian ini membantu pihak guru dan sekolah dalam menambah baik kaedah dan proses penyampaian kurikulum terhadap pelajar.

b. Penguasaan Guru Dalam Kemahiran Terkini Dalam Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (TMK)

Sistem Pendidikan abad ini menjadi semakin mencabar, kerana memenuhi keperluan pembangunan manusia yang berubah dari masa ke semasa. Justeru modifikasi kepada kurikulum perlu dilaksanakan, disamping keperluan memenuhi aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan serta transformasi pendidikan terkini. Modifikasi, dan perubahan ini bukan sahaja memberi impak kepada sistem pendidikan secara umum tetapi juga kepada kurikulum Bersepadu Dini (KBD) supaya sejajar dengan hasil yang dihasratkan. Pendekatan dalam pengajaran yang berkesan secara langsung menghasilkan pelajar yang holistik sejajar dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Islam.

Guru-guru pendidikan Islam di SABK juga perlu menguasai kemahiran terkini dalam Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK), kemahiran penyelidikan, kemahiran penulisan dan pembangunan modul pengajaran dan pembelajaran. Keseluruhan ini diperlukan untuk pembelajaran dan pemudahcaraan (Pdpc) kepada murid pada abad ke 21 melalui kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Perkara ini telah diigarkan dalam dasar Kurikulum Bersepadu pada tahun 2015 oleh pihak LEPAI, KPM

'Kurikulum ini juga dapat mengembangkan Kemahiran berfikir murid melalui pelbagai kaedah, pendekatan dan teknik pembelajaran dan pengajaran dengan menerapkan elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)'.

Sehubungan itu, keperluan untuk guru menjalankan kajian pengajaran dan pembelajaran, mencipta pembaharuan dalam pengajaran dan pembelajaran serta menerbitkan bahan-bahan ilmiah.(Ab. Halim Tamuri, Muhamad Faiz Ismail, 2012). Kajian Faridah et al., (2010) pula menunjukkan majoriti guru SABK sederhana mahir dalam perisian hamparan elektronik dan multimedia. Aspek pengetahuan dan kemahiran ICT adalah kurang dikalangan guru-guru di SABK. Dapatan kajian mereka menjelaskan majoriti (79 peratus) guru-guru SABK kurang menghadiri kursus ICT yang dianjurkan oleh pelbagai pihak. Dalam hal ini, guru perlu meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran ICT agar dapat mewujudkan pembelajaran yang berkesan.

Pendidik perlu menyumbang kepada perkembangan pendidikan melalui pengetahuan dan kemahiran teknologi maklumat yang memerlukan pemikiran kreatif dan kritis dalam

pembelajaran abad ke 21. Pembelajaran kolaborasi antara guru dan murid dalam carian maklumat melalui internet serta pengurusan grafik diaplikasi menerusi tugas yang diberikan kepada pelajar (Badrul Hisham & Mohd Nasruddin, 2016). Melalui beberapa pandangan yang dinyatakan, guru perlu meningkatkan kualiti pegajaran dan pembelajaran dengan menguasai teknologi terkini samada dalam bentuk penggunaan bahan bantu, sumber pembelajaran dan pendekatan pengajaran yang digunakan.

c. Penguasaan Bahasa Arab di Kalangan Pelajar,

Penggunaan bahasa arab dalam pengajaran kurikulum KBD di SABK merupakan cabaran pada para pelajar. Penguasaan yang lemah dalam bahasa arab merupakan salah satu faktor penyumbang ketidakfahaman murid dalam pembelajaran. Bahasa arab digunakan dalam pengajaran, penulisan buku teks, aktiviti-aktiviti pembelajaran dan penilaian dalam peperiksaan.

Kajian Anuar Sopian et al. (2013) terhadap pelajar-pelajar di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) menunjukkan proses pengajaran yang kurang berkesan menyukarkan pelajar untuk memahami ilmu bahasa ini dengan baik dan kesannya pelajar berpandangan negatif terhadap mata pelajaran bahasa arab. Lantaran itu menyebabkan mereka kurang berminat mempelajari bahasa arab dan kurang mempunyai kesedaran tentang kepentingannya dan kurang keinginan mendalami ilmu ini. Maka kesannya, pelajar juga sukar memahami mata pelajaran pendidikan Islam yang diajar dalam bahasa Arab seperti usuluddin dan sebagainya. Mohd. Mansor dan Kamarudin, (2004) menyatakan implikasi pembelajaran yang dilaksanakan melalui bukan bahasa ibunda menyebabkan pelajar sukar memahami isi kandungan yang diajar oleh guru. Sehubungan itu, Penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar harus dipertingkatkan (Maimun et al., 2014). Apabila perkara ini berlaku, maka pencapaian pelajar akan terjejas dan objektif pembelajaran yang dirancang tidak dapat dilaksanakan dengan baik. Perkara ini memberi implikasi terhadap pembentukan jati diri pelajar.

Bidang usuluddin merupakan teras dalam pendidikan Islam. Ia meliputi mata pelajaran akidah Islamiah, sejarah Islam, Akhlak & tasawuf, Tafsir al-Quran dan Hadith Nabi SAW. Kekuatan bidang ini menjadikan umat Islam yang kuat, sebaliknya, kelemahan bidang ini menghilangkan kehebatan umat Islam dari sudut ibadah, akhlak, adab, dan sopan (Ismail & Jasmi, 2016). Kajian Aizan dan Murni (2017) menunjukkan pembelajaran yang berkaitan Usul al-din mempengaruhi pembentukan identiti diri remaja muslim di sekolah. Manakala Kajian

Muhammad Norhisham (2015) mendapati biah atau suasana sekeliling yang sentiasa dihidupkan dengan budaya usul-al-din khususnya pengaruh sejarah Islam akan membentuk identiti diri remaja sekolah yang mampan dan memberi kesan yang positif terhadap pembentukan identiti diri remaja muslim.

d. Kemudahan Prasarana yang disediakan

Prasarana yang disediakan di sekolah akan membantu guru dan murid dalam meningkatkan keberkesanan pembelajaran. Mohd Khairi & Mohd Nazer (2017) menjelaskan bahawa aspek-aspek yang perlu ditinjau adalah beberapa faktor yang berhubung dengan kesempurnaan infrastruktur sekolah atau kelas, serta kemudahan pelaksanaan perisian semasa PdP kerana penggunaan perisian secara berkesan akan meningkatkan minat serta pencapaian murid dalam pembelajaran.

Kekurangan prasarana dari aspek teknologi pendidikan juga memberi kesan terhadap pengajaran guru pendidikan Islam. Sekolah-sekolah SABK sebelumnya merupakan Sekolah Agama Rakyat yang dibelenggu kekurangan dari pelbagai sudut khususnya kelengkapan seperti makmal komputer, makmal bahasa, kelengkapan audio visual dan beberapa kemudahan lain. Maka, Ini memerlukan kesungguhan dan kreativiti guru dalam mewujudkan suasana pembelajaran yang aktif di kalangan murid. Kajian Wan Ahmad Jaafar Wan Yahaya & Rosli Abd Rahman (2008) menunjukkan Guru Pendidikan Islam tidak dibekalkan dengan komputer riba sebagaimana yang dibekalkan oleh KPM untuk panitia Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris dalam projek PPSMI. Selain itu, penggunaan makmal komputer memerlukan kemahiran ICT dan kawalan yang tinggi terhadap disiplin murid. Malah terdapat guru Pendidikan Islam yang masih tidak berkeyakinan mengendalikan alat ICT untuk pengajaran dan pembelajaran di makmal komputer. Guru Pendidikan Islam kekurangan bahan pengajaran berasaskan ICT yang dibekalkan berbanding mata pelajaran yang lain. Malahan ada pentadbir sekolah yang mempunyai tanggapan (*mindset*) bahawa kaedah mengajar Pendidikan Islam yang paling berkesan adalah dengan menggunakan teknik hafalan sahaja. Oleh itu, guru-guru lebih selesa menggunakan kaedah tradisi iaitu penggunaan bahan bercetak semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

e. Pendekatan Pengajaran Guru

Pendekatan guru-guru SABK yang menggunakan cara tradisional dalam pengajaran mereka. Kejayaan dan keberkesanan dalam pengajaran sangat berkait rapat dengan kaedah pengajaran guru. Terdapat beberapa isu yang dikaitkan dengan kaedah pengajaran guru pendidikan Islam. Antaranya ialah pendekatan pengajaran guru pendidikan Islam (GPI) yang masih terikat kepada pengajaran cara tradisi dan dikaitkan dengan kaedah pengajaran yang pasif dan tidak inovatif serta terikat dengan tradisi lama dan kurangnya motivasi dalaman guru serta guru sering mengamalkan kaedah pengajaran secara tradisional yang berpusatkan guru semata-mata seperti syarahan, hafalan, soal-jawab dan perbincangan (Kamarul Azmi et.al., 2011) tidak menggunakan bahan bantu mengajar yang sesuai (Khadijah & Shahrin, 2006 dalam Siti Fatimah & Ab. Halim, 2010) dalam pengajaran yang dilaksanakan di sekolah.

Kajian Maimun Aqsha Lubis et al., (2014) menunjukkan bahawa tahap penggunaan bahan bantu mengajar oleh guru dari perspektif pelajar adalah rendah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa daripada 27 item kekerapan penggunaan bahan bantu dalam bilik-bilik darjah dari sudut perspektif pelajar mencatat nilai min pada tahap rendah. Antaranya ialah Televisyen (Min 1.40), Komputer (Min 1.75), Software B. Arab/perisian (Min 1.45), Jaringan internet (Min 1.35), LCD (Min 1.50), Gambar (Min 1.80), Kad Imbasan (Min 1.70), Makmal/Bilik bahasa (Min 1.50), Laman Sesawang (Min 1.85) dan Blog (Min 1.25). Hanya penggunaan buku teks dan papan tulis sahaja yang mempunyai Nilai min yang paling tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa guru lebih berminat untuk menggunakan kaedah atau pendekatan tradisi dalam pengajaran. Penggunaan teknologi dalam pengajaran masih tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya oleh guru pendidikan Islam. Perkara ini juga berkait rapat dengan komitmen guru terhadap pengajaran mereka (Mohamad Adnan, 2016).

Sehubungan itu, menggunakan pendekatan yang terkini diperlukan khususnya dalam bidang usuluddin KBD bagi menghadapi pembelajaran Abad ke 21 (PA21). Di samping penyampaian pengajaran dan pembelajaran perlu sejajar dengan keperluan kurikulum standard yang lengkap dengan kesepaduan Elemen Nilai Tambah (ENT), Elemen Merentas Kurikulum (EMK), Kemahiran Insaniah serta elemen-elemen lain yang digarispandukan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

f. Pencapaian Pelajar.

Kepentingan KBD kepada Murid KBD berperanan mempertingkatkan keupayaan murid berasaskan aspirasi murid dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) iaitu memastikan murid-murid menguasai pengetahuan, Kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian, dan identiti nasional. Aspek pengetahuan kurikulum ini akan mengembangkan potensi dan keupayaan murid dalam ilmu agama dan bahasa Arab. Kurikulum ini juga dapat mengembangkan Kemahiran berfikir murid melalui pelbagai kaedah, pendekatan dan teknik pembelajaran dan pengajaran dengan menerapkan elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) (Kementerian Pendidikan Malaysia).

Maklumat Asas Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini (Pelaksanaan 2015) 5 Dalam konteks Kemahiran memimpin, pendidikan dini akan mendokong dan memperkukuh empat (4) dimensi kepimpinan iaitu kemahiran entrepreneurship, berdaya tahan, kecerdasan emosi dan kemahiran komunikasi yang berkesan berasaskan pemahaman dan penghayatan dalil-dalil naqli serta penyantunan kepada sub ilmu dalam pendidikan shariah, usuluddin dan bahasa Arab.

Walau bagaimanapun terdapat masalah dalam pencapaian pelajar dalam keberhasilan kurikulum yang dirancang. Antara faktor yang membawa kepada perkara tersebut ialah pembelajaran dan pengajaran usuluddin khususnya akidah merupakan subjek yang sangat sukar yang memerlukan kemampuan berfikir dan memahami topik-topik yang disampaikan secara terperinci. Pembelajaran peringkat menengah memerlukan hujjah secara kognitif dan bukti-bukti secara logic untuk menyakinkan berkaitan isu ketuhanan dan perkara ghaib. Disamping itu setiap pembelajaran perlu dihubungkan dengan aspek kehidupan pelajar (Ahmad Yunus & Ab Halim, 2010). Tambahan lagi, persepsi guru pendidikan Islam dalam pengajaran khususnya mata pelajaran agama Islam, didapati masih terikat kepada pengajaran cara tradisi dan dikaitkan dengan kaedah pengajaran yang pasif dan tidak inovatif serta terikat dengan tradisi lama. Guru perlu memberi komitmen yang lebih terhadap bimbingan dan pembelajaran pelajar. Kajian menunjukkan bahawa guru-guru yang lebih menekankan komitmen terhadap pelajar dapat meningkatkan hasil pembelajaran dan keberkesanan dalam keberhasilan murid (Mohamad Adnan, 2016). Oleh itu kajian ini dapat mengenal pasti tahap pelaksanaan bidang usuluddin kurikulum Bersepadu Dini di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

7.0 RUMUSAN

Penelitian terhadap kajian-kajian atau penulisan berkaitan bidang usuluddin dalam kurikulum Bersepadu Dini (KBD) menunjukkan bahawa terdapat keperluan kajian khusus bagi menilai keberkesannya. Tambahan pula kurang kajian yang memfokuskan bidang pengajaran dan pembelajaran usuluddin dalam kurikulum dini atau kurikulum azhari di sekolah agama bantuan Kerajaan (SABK). Banyak kajian lebih menumpukan terhadap permasalahan penguasaan Bahasa arab di kalangan pelajar dan kualaliti guru pendidikan Islam.

Terdapat enam topik yang dikenalpasti dalam perbincangan kajian yang lepas iaitu Penilaian objektif kurikulum Usuluddin KBD sedia ada perlu dinilai dari sudut pelaksanaannya di sekolah. Disamping itu beberapa isu guru berkaitan penguasaan terhadap kemahiran terkini dalam Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK), komitmen guru dan pendekatan yang digunakan pengajaran pembelajaran dibincangkan agar mewujudkan pembelajaran yang berkesan. Isu kepentingan kemudahan prasarana yang disediakan juga perlu diambil kira sebagai faktor yang dominan terhadap keberkesanan pelaksanaan kurikulum. Dimana ia menjadi sistem sokongan dalam membantu menjayakan pelaksanaan kurikulum yang dibina. Seterusnya terdapat perkara yang dikenalpasti menjadi penghalang keberkesanan di kalangan pelajar dalam kurikulum dini iaitu penguasaan bahasa arab di kalangan murid. Hal ini perlu atasi melalui pendekatan pengajaran yang lebih efisien di kalangan guru-guru pendidikan Islam. Berdasarkan isu yang difokuskan kajian ini keseluruhannya memberi kesan kepada pencapaian pelajar yang merupakan hasil dari perancangan dan pelaksanaan yang diprogramkan melalui Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) Kemneterian Pendidikan Malaysia.

PENGHARGAAN

Penghargaan di tujukan kepada pihak pengurusan Kolej Universiti Antarabangsa Selangor yang telah memberikan dana melalui Geran Penyelidikan & Inovasi KUIS 2017 bagi menghasilkan kajian atau penyelidikan ini.

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri, Muhamad Faiz Ismail, K. A. J. (2012). Komponen Asas Untuk Latihan Guru Pendidikan Islam. *Global Journal Al-Thaqafah*, 2, 53–63.
- Alias Mat Saad, Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff & Ruhizan Mohammad Yassin (2011) *Kajian Kerelevanan Falsafah Pendidikan Kebangsaan Dengan Kurikulum Pendidikan Islam Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia*, AJTLHE. ISSN: 1985-5826 Vol. 3, No.2, July 2011, 60-70.
- Anuar Sopian, Salmah Ahmad & Kaseh Abu Bakar. *Penguasaan dan Permasalahan Pelajar Terhadap Pengajian Ilmu Balaghah: Satu Tinjauan Awal (Mastery and Problem of Students Against the Balaghah Studies: A Preliminary Survey)*. ISLAMIYYAT 35(1) 2013: 93 – 101
- Ahmad Munawar Ismai, Zakaria Stapa, Mohd Yusof Othman & Mashitoh Yaacob. Islam Dalam Pendidikan Dan Hubungannya Dengan Pembentukan Jati Diri Bangsa Melayu Di Malaysia. *Jurnal Hadhari Special Edition* (2012) 37 – 50
- Ahmad Yunus & Ab Halim. (2010). Pengetahuan Pedagogikal kandungan (PPK) Pengajaran Akidah : Kajian Kes Guru Cemerlang Pendidikan Islam. *Jurnal of Islamic & Arabic Education* 2(2) 2010 Hal 13-30
- Al-Syatibi(t.t.), *al-Muwafaqat fi Usul al-Syariah*, tahqiq Dr. Abdullah Daraz. Al-Qahirah : al-Maktabah al-Tijariah.
- Aizan binti Ali @ Mat Zin & Murni binti Buchik. (2017) *Isu Dan Cabaran Pendidikan Remaja Muslim Di Malaysia*. *Jurnal al-Tamadun Universiti Malaya*, Bil 12 (2), 2017, 41-49
- Azizi Jaafar (2015) *Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam Sekolah Menengah Berasaskan Model Context-Input-Process-Product (CIPP)*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Utara Malaysia.
- Badrul Hisham Bin Alang Osman & Mohd Nasruddin Bin Basar. (2016). *Amalan Pengajaran Dan Pembelajaran Abad Ke- 21 Dalam Kalangan Pensyarah Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh*. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi* Jilid 10, 2016: hal : 1-25
- Hasan Langgulung (1997) *Asas-Asas Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa & Pustaka.
- Ismail A. M. & Jasmi, K. A. (2016). *Akidah dan Akhlak dalam Pendidikan Islam*. Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- Kamarul Azmi Jasmi, Mohd Faez Ilias, Ab Halim Tamuri & Mohd Izham Mohd Hamzah (2011) *Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam Kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia*. *Jurnal of Islamic & Arabic Education* 3(1) 2011 59-74.
- Kamarulzaman Abdul Ghani, Ahmad Sabri Noh & Nik Mohd Rahimi Nik Yusuff (2017) Ciri-ciri linguistik dalam buku teks berbahasa Arab dan hubungannya dengan tahap kebolehbacaan teks di Malaysia *GEMA Online Journal of Language Studies* (Volume 17, No. 3, Aug 2017, Hal 152 -165)
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2017. *Dasar Pendidikan Kebangsaan*. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2016. *Dokumen Standard Kurikulum Usul al-Din Kurikulum Bersepadu Dini*. Bahagian Pembangunan Kurikulum. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2015. *Maklumat Asas Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini*. Bahagian Pendidikan Islam. Kementerian Pendidikan Malaysia

- Maimun Aqsha Lubis, Zaffi Alias & Hanis Najwa Shahrudin. (2014). Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab dalam Kurikulum Bu'uth Al-Azhar di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). *Jurnal Pendidikan Malaysia* 39(1)(2014): 51-61
- Mohd Khairi & Mohd Nazer (2017). Tinjauan Pelaksanaan Pengurusan Pendidikan Islam di sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina di Daerah Kota Setar. *The Online Journal Islamic Education* Julai 2017 Vol 5, Issue 1.
- Mohd Mansor Daud & Kamarudin Kamal (2004). Permasalahan Pengajaran & Pembelajaran Kurikulum al-Azhar dan Cara Mengatasinya. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri 3. UKM.*
- Mohamad Adnan (2016). Iklim Sekolah & Komitmen Guru Di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan Negeri Kelantan. *Proceeding of International Seminar On Generating Knowledge Through Research, UUM (ICECRS) 1 (2016) 699-708*
- Mohamad Syukri B. Abdul Rahman, Muhammad Haron b. Husaini, Ismail B. Omar, Nor Effendy B. Ahmad Sokri & Mohamed Fairouz b. Mohd Fatillah (2016). Pengajaran Perbendaharaan Kata Bahasa Arab di Sekolah-Sekolah Agama bantuan Kerajaan Negeri Selangor. *Jurnal Pengajian Islam Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Bil 9, Isu 1 : 2016 hal 26-44*
- Muhammad Norhisham .(2015). *Biah Solehah pelajar Sekolah Menengah Agama*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Siti Fatimah Ahmad & Ab Halim Tamuri (2010) *Persepsi Guru Terhadap Bahan Bantu Mengajar Berasaskan Teknologi Multimedia Dalam Pengajaran J-Qaf*. *Jurnal of Islamic & Arabic Education* 2(2) 2010 Hal 53-64
- Wan Ahmad Jaafar Wan Yahaya Rosli Abd Rahman. *Pembudayaan Penggunaan Teknologi dalam Pengajaran dan Pembelajaran dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam*. *Diages Pendidik* . Jilid 8, Bil. 2/2008 Universiti Sains Malaysia. Hal : 55-63